

NO. SOALAN : 186

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

RUJUKAN : 7272

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- a) berapakah jumlah penghuni pusat serenti pada tahun semasa mengikut negeri dan adakah terdapat penurunan kemasukan penagih dadah ke PUSPEN bagi tempoh 5 tahun lepas; dan
- b) apakah Kerajaan masih meletakkan dadah sebagai musuh no. 1 negara dan komitmen kerajaan memerangi masalah dadah dan adakah kerajaan mempertimbangkan konsep "Terapi Kekeluargaan" digunakan dalam rawatan di PUSPEN.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a) jumlah terkini klien / penghuni yang menjalani rawatan dan pemulihan mengikut statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi tempoh Januari hingga Ogos 2014 adalah seramai 7,969 orang. Mereka terdiri daripada 3,460 orang klien yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dalam institusi di *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC/PUSPEN) di bawah Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) dan 4,509 orang yang menerima rawatan *inpatient* dan *outpatient* secara sukarela di Klinik *Cure & Care 1Malaysia* (Klinik C&C1M).

Trend kemasukan penagih / klien ke pusat pemulihan (CCRC) adalah turun dan naik setiap tahun mulai 2010 hingga Ogos 2014. Jumlah kemasukan klien pada tahun 2010 adalah seramai 7,604 orang, menurun pada tahun 2011 (4,790 orang), meningkat pada tahun 2012 (5,473 orang), menurun pada tahun 2013 (4,918 orang) dan sehingga Ogos 2014 menurun kepada 3,460 orang.

Jadual 1 menunjukkan jumlah klien di CCRC / PUSPEN yang menjalani rawatan dan pemulihan di bawah Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) dan Jadual 2 menunjukkan jumlah klien yang mendapatkan perkhidmatan secara sukarela di Klinik C&C1M mengikut negeri.

**Jadual 1 : Jumlah Klien Di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC/PUSPEN)
Mengikut Negeri Bagi Tahun 2010 Hingga Ogos 2014**

[Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983]

NEGERI	BILANGAN KLIEN MENGIKUT TAHUN (ORANG)					
	2010	2011	2012	2013	2014 (Ogos)	JUMLAH
JOHOR	624	504	516	476	334	2,454
KEDAH	1,153	626	648	263	200	2,890
KELANTAN	425	100	53	512	338	1,428
MELAKA	34	82	84	241	214	655
NEGERI SEMBILAN	255	235	271	326	258	1,345
PAHANG	613	351	530	1,237	829	3,560
PERAK	929	948	901	608	374	3,760
PERLIS	126	45	35	347	208	761
PULAU PINANG	1,595	459	628	310	256	3,248
SABAH	36	29	10	225	136	436
SARAWAK	140	200	151	95	98	684
SELANGOR	1,069	716	677	278	215	2,955
TERENGGANU	218	39	37	0	0	294
WIL.PERSEKUTUAN	381	456	930	0	0	1,767
PUTRAJAYA	6	0	2	0	0	8
JUMLAH	7,604	4,790	5,473	4,918	3,460	26,245

Jadual 2: Jumlah Klien Yang Mendapatkan Perkhidmatan Secara Sukarela Di Klinik Cure & Care 1Malaysia (Klinik C&C 1M) Mengikut Negeri

NEGERI	KATEGORI	BILANGAN KLIEN MENGIKUT TAHUN (ORANG)					JUMLAH
		2010	2011	2012	2013	2014 (OGOS)	
JOHOR	Inpatient	44	474	892	680	391	2,481
	Outpatient	57	335	759	280	142	1,573
KEDAH	Inpatient	0	0	393	418	264	1,075
	Outpatient	0	0	45	274	93	412
KELANTAN	Inpatient	83	179	321	264	116	963
	Outpatient	213	415	653	948	210	2,439
MELAKA	Inpatient	0	0	0	0	203	203
	Outpatient	0	0	0	0	330	330
NEGERI SEMBILAN	Inpatient	0	134	556	382	0	1,072
	Outpatient	0	173	533	572	0	1,278
PAHANG	Inpatient	0	92	480	631	465	1,668
	Outpatient	0	62	600	752	413	1,827
PERAK	Inpatient	0	0	0	0	0	0
	Outpatient	0	0	0	0	0	0
PERLIS	Inpatient	0	0	0	0	0	0
	Outpatient	0	0	0	0	0	0
PULAU PINANG	Inpatient	128	699	744	317	239	2,127
	Outpatient	99	401	122	344	253	1,219
SABAH	Inpatient	0	179	235	244	194	852
	Outpatient	0	279	250	267	190	986
SARAWAK	Inpatient	11	94	93	111	77	386
	Outpatient	3	107	284	141	53	588
SELANGOR	Inpatient	0	0	0	204	171	375
	Outpatient	0	0	0	170	97	267
TERENGGANU	Inpatient	0	0	0	0	0	0
	Outpatient	0	0	0	0	0	0
WP KUALA LUMPUR	Inpatient	400	1,177	1,329	819	322	4,047
	Outpatient	400	487	608	390	286	2,171
PUTRAJAYA	Inpatient	0	0	0	0	0	0
	Outpatient	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		1,438	5,287	8,897	8,208	4,509	28,339